



**ARAHAN/TATACARA PERMOHONAN PERKAHWINAN  
PELAJAR BIASISWA KERAJAAN / SKIM BANTUAN PINJAMAN PENDIDIKAN (SBPP)  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

- ⇒ Sila lengkapkan borang permohonan ini dan pastikan semua maklumat adalah betul dan teratur.
- ⇒ Setiap pelajar (lelaki/perempuan) yang berhajat untuk berkahwin semasa dalam tempoh pengajian dikehendaki untuk memaklumkan dan memohon kebenaran terlebih dahulu dengan menyertakan dokumen-dokumen seperti berikut:
  - 1) Borang Permohonan Perkahwinan
  - 2) Salinan Kad Pengenalan dan Passport Pemohon
  - 3) Salinan Kad Pengenalan dan Passport Pasangan
  - 4) Salinan Kad Pengenalan Bapa Kandung/Wali Pemohon Perempuan
  - 5) Surat Pengesahan tidak ada halangan berkahwin dari Bapa Kandung/Wali Pengantin perempuan.
  - 6) Jika pasangan bukan rakyat Brunei Darussalam, hendaklah menyertakan salinan kebenaran berkahwin daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Perdana Menteri.
  - 7) Slip/Pengesahan Pendaftaran Perkahwinan (Civil Marriage) mengikut negara pengajian.
  - 8) Dokumen Sokongan: Seperti Kad Jemputan Perkahwinan
- ⇒ Jika pelajar membuat permohonan di Brunei Darussalam, borang yang telah lengkap hendaklah dihadapkan ke:
  - ✓ **Softcopy** (Borang Permohonan & dokumen sokongan)-Muat turun borang ini dan borang yang telah lengkap boleh diemelkan ke: [scholarship@moe.gov.bn](mailto:scholarship@moe.gov.bn)
  - ✓ **Hardcopy** (Borang Permohonan yang telah lengkap beserta dokumen sokongan):  
**Bahagian Basiswa, Tingkat 5, Blok C, Bangunan Kementerian Pendidikan,  
Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei Darussalam.**
- ⇒ Jika pelajar membuat permohonan di negara pengajian, borang permohonan perkahwinan hendaklah dihadapkan ke Bahagian Basiswa melalui **Ataci Pendidikan/Perwakilan Kerajaan** Brunei Darussalam di luar negara mengikut negara pengajian masing-masing.
- ⇒ Permohonan hendaklah dihadapkan dalam tempoh sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** sebelum tarikh melangsungkan pernikahan/perkahwinan.

**PERHATIAN: (Bagi Pelajar Basiswa Kerajaan Sahaja)**

- ⇒ Mengikut Aturan Bahagian V, Perkara 1, Pelajar yang berhajat untuk berkahwin semasa menuntut di luar negeri hendaklah terlebih dahulu **mendapatkan kebenaran** Kementerian Pendidikan. Pelajar yang berhajat untuk mendirikan rumahtangga di United Kingdom hendaklah juga memenuhi 'United Kingdom Marriage Act 1949' dan menjalani 'Civil Marriage' di *Registry Office* di United Kingdom sebelum diijabkabulkan. Bagi pelajar yang berada di negara selain daripada United Kingdom mestilah juga mengikut undang-undang perkahwinan di negara berkenaan dan juga undang-undang perkahwinan yang biasa diamalkan di tanahair.
- ⇒ Mengikut Aturan Bahagian III, Perkara 2.9, Pelajar perempuan yang berkahwin dengan bukan rakyat Brunei Darussalam **tanpa kebenaran** semasa pengajian boleh **ditamatkan Basiswa**nya dan **dikenakan membayar balik semua perbelanjaan** Kerajaan yang diterimanya sepanjang tempoh pengajian di samping dikenakan **bayaran tambahan sebanyak 30%** daripada jumlah berkenaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ⇒ Dperingatkan kepada pelajar-pelajar agar perkahwinan ini **tidak akan mengganggu** pengajian dan prestasi akademik pelajar sepanjang tempoh penganugerahan/pengajian.



**BORANG PERMOHONAN PERKAHWINAN  
PELAJAR BIASISWA KERAJAAN / SKIM BANTUAN PINJAMAN PENDIDIKAN (SBPP)  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sila isikan keterangan-keterangan berikut dengan betul. [ **SILA GUNAKAN HURUF BESAR SAHAJA**]

1. (a) Nama Penuh Pemohon : \_\_\_\_\_  
(b) No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_ Warna : \_\_\_\_\_  
(c) Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_ Tempat Lahir: \_\_\_\_\_ Ugama : \_\_\_\_\_  
(d) Emel : \_\_\_\_\_ Telefon No. : \_\_\_\_\_  
(e) Status Pengajian : Biasiswa Kerajaan  SBPP  Lain-lain: \_\_\_\_\_  
(f) Tempat Pengajian : \_\_\_\_\_  
Nama Kursus : \_\_\_\_\_ Tahun Pengajian : \_\_\_\_\_  
Tarikh kursus berakhir : \_\_\_\_\_

2. (a) Nama bakal suami/isteri : \_\_\_\_\_  
(b) No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_ Warna : \_\_\_\_\_  
(c) Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_ Tempat Lahir : \_\_\_\_\_  
(d) Warganegara : \_\_\_\_\_ Bangsa : \_\_\_\_\_ Ugama : \_\_\_\_\_  
(e) Emel : \_\_\_\_\_ Telefon No. : \_\_\_\_\_  
(f) Pekerjaan : \_\_\_\_\_ Status Kelamin : \_\_\_\_\_  
(g) Alamat tempat tinggal : \_\_\_\_\_  
(h) Adakah bakal suami/isteri seorang pelajar? : Ya / Tidak , Jika Ya, nyatakan tempat pengajian : \_\_\_\_\_  
Nama Kursus : \_\_\_\_\_ Jenis Biasiswa: \_\_\_\_\_

3.(a) Tempat Perkahwinan : \_\_\_\_\_  
Perkahwinan menurut sivil atau/dan muslim: \_\_\_\_\_  
(b) Cadangan Tarikh Kahwin : \_\_\_\_\_

**PENGAKUAN:**

Saya dengan ini mengakui bahawa semua keterangan yang diberikan di dalam permohonan ini adalah benar.

.....  
[ Tandatanganan Pemohon ]

Tarikh : \_\_\_\_\_

Disaksikan Oleh:

.....  
[ Tandatanganan Bapa Pemohon/Wali ]

Tarikh : \_\_\_\_\_